

# Sabah, Sarawak mampu lahirkan PM

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN /BH]

> Dr Mahathir lancar BERSATU secara rasmi di Sabah

Oleh Suzianah Jiffar dan Mohd Izham Unnip Abdullah  
bhnews@bh.com.my

## Penampang

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dilancarkan secara rasmi di Sabah semalam oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang yakin negeri ini akan melahirkan Perdana Menteri bagi mengetuai pentadbiran negara suatu hari nanti.

Di hadapan kira-kira 30,000 penyokong, majlis yang berlangsung di Pusat Komersial dan Teknologi Antarabangsa (ITCC) Penampang itu disifatkan Perdana Menteri sebagai pelancaran terbesar untuk parti berkenaan yang hanya ditubuhkan kira-kira dua tahun lalu.

"Saya yakin suatu hari nanti, Perdana Menteri Malaysia datang dari Sabah atau Sarawak kerana kita semua rakyat Malaysia. Siapa sahaja boleh muncul sebagai pemimpin asalkan mereka ada kebolehan," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU.

Yang turut hadir, Presiden Pakatan Harapan (PH) yang juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pe-

lancaran BERSATU Sabah, Datuk Hajiji Noor.

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut mengumumkan Hajiji, bekas Pengerusi UMNO Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sulaman sebagai Penyelaras BERSATU di negeri ini.

Dr Mahathir berkata, Sabah menyumbang lebih 120,000 ahli kepada BERSATU setakat ini, bukti bahawa minat penduduk negeri ini untuk menyertai parti berkenaan sudah lama ada sejak awal penubuhannya lagi.

"Namun (BERSATU) memutuskan tidak ke negeri ini pada peringkat awal kerana bimbang menjejaskan persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Selepas itu, kita lihat ramai beralih ke BERSATU sebab ia dalam PH.

"Parti Warisan Sabah (WARISAN) berbeza sebab ia bukan dalam PH, tetapi kerana kita hargai Sabah, kita beri tempat (wakil) parti dari Sabah dilantik menteri dalam Kabinet (kerajaan Pusat) dan timbalan menteri. Soal tidak berada dalam PH tidak halang kita bersama rakyat Sabah," katanya.

## Ramai tinggalkan UMNO, BN

Katanya, selepas berlaku pertukaran kerajaan pada peringkat Pusat dan Sabah, ramai pemimpin UMNO dan Barisan Nasional (BN) meninggalkan parti berkenaan dan ingin menyertai parti lain supaya dapat terus berkhidmat kepada negara.

"Disebabkan mereka berminat menyertai parti dalam PH, kita (BERSATU) buka pintu," kata Dr Mahathir sambil memberi jaminan, kedatangan BERSATU ke Sabah bukan untuk menjatuhkan sesiapa, sebaliknya bagi mengukuh-



Dr Mahathir bersama Ahli Majlis Tertinggi BERSATU selepas melancarkan BERSATU Sabah di ITCC Penampang, Kota Kinabalu, semalam.

kan lagi sokongan terhadap parti yang memerintah negeri, selain PH pada peringkat Pusat.

Beliau juga sekali lagi menegaskan, hanya pemimpin bersih, tidak menyalahguna kuasa dan tidak rasuah boleh diberi tempat memimpin di semua peringkat.

"Jika salah guna kuasa, jadi tanggungjawab kita semua untuk jatuhkan mereka. BERSATU ditubuh untuk jatuhkan kerajaan kleptokrasi Datuk Seri Najib Razak, budaya ini (kleptokrasi) merosakkan negara. Dulu kewangan kita baik, negara dapat membangun dengan pesat, sekarang ada hutang lebih RM1 trilion kerana ketamakan Najib pinjam banyak, curi wang.

"Pemimpin seperti ini sampai bila pun akan kita jatuhkan. Ini tanggungjawab rakyat negara demokratik, hak kita pilih pemimpin dan jika lari jauh (pemimpin me-

nyimpang), hak kita juga menjatuhkan pemimpin itu," katanya.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir memberi jaminan kedudukan pemimpin WARISAN dalam Kabinet Persekutuan kekal walaupun parti berkenaan bukan dalam PH.

## Capai status negara maju 2025

Mengenai ketidakhadiran pemimpin WARISAN pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, beliau ada bertemu Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan berbincang mengenai isu tertentu.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapan sama sebelum itu, berkata Malaysia boleh mencapai status negara maju pada 2025 sejajar peralihan kerajaan pada peringkat Pusat dan negeri yang me-

ngambil pelbagai langkah untuk tujuan berkenaan.

"Kita sudah jadual tahun depan negara jadi maju tetapi kerana penyelewengan pemimpin (terdahulu) selama 15 tahun, kita tidak dapat capai aras negara maju, tetapi saya yakin dengan peralihan kerajaan di Pusat dan negeri dapat dimajukan supaya pada tahun 2025 kita jadi negara maju, ini bukan untuk diri sendiri, tapi untuk bangsa dan negara.

"Pada masa sama, pentadbir negara kita akan dibersihkan supaya mereka yang terbahit rasuah dan jadi alat parti terdahulu, disingkir dan diganti dengan orang lain. Percayalah kita akan maju, perjuangan kita bukan untuk diri sendiri," katanya sambil mengulangi peringatan bahawa tiada ruang untuk sesiapa pun mendapat kekayaan secara haram.